KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	3/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JPN.SEMBILAN			

'Elak kunjungi Taman Eko Rimba Jeram Toi'

Keadaan laluan pusat rekreasi masih belum stabil, berisiko

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my



Taman Eko Rimba Jeram Toi mengalami keroskan teruk selepas dilanda banjir dan tanah runtuh, baru-baru ini. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

Seremban: Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan menasihatkan orang ramai supaya tidak berkunjung ke Taman Eko Rimba Jeram Toi di Jelebu, untuk melihat kesan kemusnahan yang berlaku susulan bencana banjir, baru-baru ini.

Pengarahnya, Saleh Awaluddin, berkata keadaan laluan di kawasan itu masih tidak stabil dan berisiko kepada orang ramai sekiranya berlaku kejadian tanah runtuh.

"Justeru, kita sudah mengeluarkan arahan pada 20 Disember lalu supaya semua taman eko rimba kawasan pendakian dalam Hutan Simpanan Kekal di negeri ini ditutup susulan bencana banjir yang berlaku.

"Pusat rekreasi ini yang musnah 100 peratus hanya akan dibuka semula apabila didapati benar-benar selamat dikunjungi," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, pihaknya sudah memohon peruntukan daripada kerajaan negeri dan Persekutuan untuk membaik pulih segala kerosakan.

"Saya jangka kerja pembaikan akan mengambil tempoh agak lama. Kita akan buat secara berperingkat bergantung kepada peruntukan yang diterima.

"Kita tiada masalah dalam melakukan kerja pembersihan, namun keadaan jalan masuk ke Jeram Toi memerlukan banyak pembaikan yang memerlukan kos tinggi," katanya.

Media pada 30 Disember lalu melaporkan, Taman Eko Rimba Jeram Toi menjadi satu-satunya lokasi pelancongan di Negeri Sembilan yang rosak teruk akibat banjir baru-baru ini.

Selain kejadian tanah runtuh yang menghanyutkan pintu gerbang pusat rekreasi itu, banyak kerosakan lain dikesan termasuk kemusnahan infrastruktur, manakala keadaan air yang sebelum ini jernih bertukar berlumpur dan berselut.